

KOLABORASI INTERAKSI MASYARAKAT TERHADAP GOLONGAN KURANG UPAYA DI INSTITUSI MASJID

(Collaboration Interaction Of The Community Towards The Disabled People At The Mosque)

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin, Hasliza binti Talib, Siti Zaleha binti Ibrahim

ABSTRAK

Penulisan ini menekankan kolaborasi interaksi masyarakat terhadap golongan kurang upaya (OKU) di institusi masjid. Terdapat golongan yang memandang rendah serta memberi layanan yang buruk kepada golongan OKU ini walaupun berada di institusi masjid seolah-olah golongan OKU ini tidak layak diberi layanan yang baik dan saksama. Layanan buruk yang mereka terima menyebabkan emosi mereka terganggu dan akan memberi impak yang negatif kepada mereka untuk beribadat di masjid. Hal ini bertentangan dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W yang menganjurkan supaya memberi layanan yang baik kepada sesama manusia apatah lagi kepada saudara yang lemah seperti golongan ini. Oleh demikian, kertas kerja ini akan mengkaji bentuk permasalahan yang mereka hadapi di institusi masjid dengan menggunakan metod kualitatif temubual dan analisis dokumentasi. Harapan hasil kajian ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai masalah yang dihadapi OKU supaya mereka dapat menyantuni golongan berkenaan, dengan memberikan hak bersama dalam menjaga keutuhan institusi masjid.

Kata kunci : Kolaborasi, Interaksi Masyarakat, Orang Kurang Upaya, Institusi Masjid,

ABSTRACT

This writing emphasizes the interaction collaboration of the community towards the disabled people at the mosque. That there are still those who despise and treated these special people poorly even though at the mosque, as if they are not worth to be treated kindly and fairly. The poor treatment that they received from the people causes their emotional self to be affected which will eventually lead to negative impact in performing their prayer at the mosque. This is actually contrary to the teachings of the Propheth Muhamad (pbuh) who encourages the people to treat all mankind with love, let alone the weak people like them. Therefore, this paper will examine the problems faced by the disabled at the mosque institution using the interview and documentation analysis method. The expection of this research is to bring awareness to the public about the problems encountered by these handicapped so that they will realize and treat them with respect including by giving them their right in maintaining the integrity of the mosque institution.

Keyword: Collaboration, Interaction Of The Community, Towards The Disabled People, At The Mosque

PENGENALAN

Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat. Mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota

masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau rights-based dan juga perlindungan wajar digunakan abagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU (Bahari, 2014). Hak Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan perkara yang telah dibincangkan secara meluas. Mereka merupakan antara kumpulan rentan dalam masyarakat. Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) pada 6 Julai 2010, dengan reservasi ke atas Artikel 15 dan 18. (Bahari, 2014). Malaysia belum lagi menandatangani Protokol Pilihan kepada Konvensyen ini. Walaubagaimanapun, ratifikasi CRPD merupakan satu langkah yang membuktikan kesediaan Malaysia untuk melaksanakan hak asasi yang terkandung dalam CRPD menerusi tindakan.

Berdasarkan statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat tahun (Masyarakat, 2011), terdapat sebanyak 359,203 orang kurang upaya di seluruh Malaysia. Etnik Melayu adalah paling ramai iaitu berjumlah 224,997 orang berbanding lain-lain kaum. Manakala pecahan mengikut ketidakupayaan adalah sebagai berikut ; cacat penglihatan 31,924 orang, pendengaran 43,788 orang dan masalah fizikal sebanyak 123,346 orang. Dari jumlah tersebut negeri Selangor mencatatkan sebanyak 51,238 orang kurang upaya. Statistik yang dinyatakan adalah OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jika dihitung jumlah OKU yang tidak berdaftar, jumlah OKU di Selangor akan bertambah dari semasa ke semasa kerana pertambahan penduduk dan penghijrahan OKU itu sendiri. Menurut Abd Aziz Mohd Zin (2009), OKU boleh diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya anggota dan kurang upaya akal. Oleh itu kehidupan ini berkongsi bersama orang kelainan upaya (OKU) di mana tidak dapat lari daripada berinteraksi bersama mereka secara langsung atau secara tidak langsung (Che Di dan Nur Fadliana, 2014).

Pesuruhjaya SUHAKAM dalam bahagian Pendidikan dan Perhubungan Awam Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid berpendapat sikap tidak menghargai OKU perlu diubah selaras dengan hasrat Malaysia mencapai sebuah negara maju. Apabila dilihat dari segi layanan masyarakat kepada OKU, masyarakat di Malaysia belum sampai ke taraf itu. Mentaliti masyarakat masih tidak melihat OKU sebagai satu kumpulan yang perlu dihormati, tidak seperti di negara barat. Menurut beliau juga, masyarakat di negara maju memberi pertolongan dan layanan baik kepada OKU ekoran kesedaran sivik yang tinggi. Sejajar dengan kata-kata dari Nelson Mandela "Menafikan hak asasi manusia adalah mencabar kemanusiaan mereka".

Berdasarkan fakta tersebut, dapat disimpulkan bahawa golongan OKU khususnya dalam etnik Melayu-Islam mempunyai hak untuk dihormati dan mendapat layanan yang adil dalam masyarakat. Justeru penulisan ini akan mengkaji bentuk permasalahan yang dihadapi oleh golongan ini melalui interaksi masyarakat terhadap mereka di institusi masjid berpandukan al-quran dan hadis yang sahih.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui analisa dokumentasi / kepustakaan dan temubual bagi mendapatkan data. Pengkaji telah menemu bual seorang pegawai dari Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi (Nizam, 2016) sebagai responden kajian rintis untuk mendapatkan data berkaitan interaksi masyarakat terhadap golongan OKU di institusi masjid. Pengkaji juga menjalankan kajian dokumentasi /kepustakaan bagi mendapatkan data serta nas berkaitan OKU menerusi Al-Quran, al-hadith, laman sesawang serta pendapat dari tokoh dan ilmuwan dalam perkara ini.

KONSEP KOLABORASI INTERAKSI

Shortridge et. Al, (1986) mendefinisikan kolaborasi sebagai hubungan timbal balik yang menekankan tanggungjawab bersama. Jonathan (2004) mendefinisikan kolaborasi sebagai proses interaksi di antara beberapa orang yang berkesinambungan. Menurut Kamus Heritage Amerika (2000), kolaborasi adalah bekerja bersama khususnya dalam usaha penggabungan pemikiran. Gray (1989) menggambarkan bahawa kolaborasi sebagai suatu proses berfikir di mana pihak yang terlibat memandang aspek-aspek perbezaan dari suatu masalah serta menemukan solusi dari perbezaan tersebut dan keterbatasan pandangan mereka terhadap apa yang dapat dilakukan. *American Medical Assosiation* (AMA, 1994) mendefinisikan istilah kolaborasi sebagai sebuah proses merencanakan dan praktik bersama dengan berbagai nilai, saling mengakui dan menghargai terhadap setiap orang.

Dari berbagai definisi yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa kolaborasi adalah suatu proses interaksi yang kompleks dan beragam, yang melibatkan beberapa orang untuk bekerjasama dengan menggabungkan pemikiran secara berkesinambungan dalam menyikapi suatu hal dimana setiap pihak yang terlibat saling ketergantungan di dalamnya. Apa pun bentuk dan tempatnya, kolaborasi meliputi suatu pertukaran pandangan atau idea yang memberikan perspektif kepada seluruh kolaborator. Interaksi pula menurut kamus dewan bermaksud tindakan atau perhubungan aktif antara satu sama lain, tindak balas antara dua pihak atau beberapa pihak. Interaksi tidak hanya terbatas kepada tutur kata sahaja malah ia meliputi interaksi bahasa badan (*body language*), pandangan mata, mimik muka, pergerakan tubuh dan gaya serta pergerakan tangan. (Che Di dan Nur Fadliana, 2014).

ISTILAH ORANG KURANG UPAYA

Istilah tepat bagi akronim 'OKU' ialah "orang kurang upaya". Penggunaan istilah "orang kurang upaya" bagi akronim OKU juga telah dipersetujui oleh golongan OKU dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili kepentingan OKU semasa sesi dialog Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama NGO OKU pada tahun 2011. (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat). OKU merupakan satu akronim untuk orang kurang upaya. Penggunaan istilah tersebut merujuk kepada individu yang memiliki kecacatan kekal pada anggota atau mental. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2009), orang kurang upaya bermaksud individu yang tidak mempunyai keupayaan dalam jangka masa panjang sama ada dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera sehingga boleh menyekat penglibatan individu sepenuhnya apabila berhadapan dengan halangan.

Selain itu, golongan OKU juga dipanggil sebagai orang istimewa (Cikgu Kaunseling Ma, 2012) dan golongan berkeperluan khas (Sang, 2012). Antara sebab istilah ini digunakan adalah untuk menjaga hati golongan OKU supaya mereka rasa dihargai, dihormati dan diterima dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, terdapat terminologi lain yang telah diperkenalkan oleh Profesor Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak, bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) bagi menolak penggunaan istilah orang kurang upaya iaitu orang kelainan upaya (Mohamad Abdullah, 2012). Menurut beliau, golongan ini hanya berbeza dari segi keupayaan yang berlaku secara semulajadi dan bukan berbeza dari segi fizikal. Oleh itu, golongan OKU harus dilihat dalam cara yang betul. Namun begitu, Dewan Bahasa dan Pustaka menyatakan istilah orang kurang upaya masih dikekalkan dan masih belum ada perubahan terminologi OKU kepada orang kelainan upaya seperti yang sering diaplikasikan oleh masyarakat kini. Istilah selain orang kurang upaya ini digunakan adalah untuk mengiktiraf golongan ini sebagai individu mempunyai kelainan upaya atau kemampuan berbanding individu normal yang lain. Sehubungan itu, hal ini juga adalah sebagai salah satu cara untuk

mengubah persepsi atau stigma serong masyarakat terhadap kemampuan sebenar golongan istimewa ini (Mohamad Abdullah, 2012).

Akta Orang Kurang Upaya 2008 mengiktiraf kepentingan kebolehcapaian OKU kepada persekitaran fizikal, sosial, ekonomi dan kebudayaan, kesihatan dan pendidikan serta kepada maklumat dan komunikasi, bagi membolehkan penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat. Akta ini juga mengiktiraf bahawa orang kurang upaya adalah berhak kepada peluang dan perlindungan, serta bantuan sama rata dalam segala hal keadaan dan tertakluk hanya kepada apa-apa batasan, sekatan dan perlindungan hak sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan serta mengiktiraf kepentingan kerjasama antara kerajaan dengan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam antara kerajaan dengan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam memastikan penyertaan dan penglibatan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat.

OKU DAN INSTITUSI MASJID

Peranan institusi sangat penting dalam memberi sokongan kepada orang kurang upaya (OKU) kerana dapat mempelajari pelbagai perkara dan secara tidak langsung mereka akan menjadi orang yang lebih berdikari dan bijak dalam pergaulan dengan masyarakat. (Bahari, 2014). Bagi institusi masjid yang bersifat ‘*rahmatallil alamin*’ juga sangat memainkan peranannya dalam membantu golongan OKU muslim untuk mendalami ilmu fardhu ain.

Hubungkait antara institusi masjid dan pembangunan komuniti bermula dari institusi masjid yang baik dan terurus, maka terbentuklah satu komuniti yang baik yang berlandaskan Al-Quran dan as-Sunnah. Jaminan Allah amat jelas di dalam kalam-Nya tentang kebaikan yang diperolehi di dunia dan di akhirat bagi sesuatu pembentukan komuniti. (Al-Baqarah 2, ayat 201; Al-A’raf 7, ayat 156 dan, Al-Nahl 16, ayat 30). Dengan demikian, keperluan hablumminallah adalah menjadi kayu ukur yang jelas dalam pembentukan komuniti yang membentuk sifat ketaqwaan. Islam melarang sesama umat Islam saling bermusuhan di antara satu sama lain dan juga memberi mudharat kepada orang lain. (Al-Maidah, 5:2). Tanggugjawab hablumminannas juga adalah satu bentuk pembentukan komuniti yang berdasarkan taqwa mencakupi semua aspek kehidupan antara manusia sesama manusia dan manusia dengan Allah. Namun sejauh manakah institusi masjid di Malaysia ini dapat membantu OKU dalam menjalani ibadah secara berjemaah disamping mempelajari ilmu fardhu ain yang lain.

Menurut Maszlee Malik (2012) institusi Islam masih belum terkehadapan dalam memberi ruang kepada golongan OKU untuk melaksanakan kewajipan sebagai muslim. Selain sebagai tempat menunaikan solat Jumaat, institusi masjid juga memainkan peranan dalam mengagihkan zakat kepada golongan asnaf. Menurut pandangan Ahli Jawatankuasa Hak-Hak Asasi Manusia Majlis Peguam, Mohammad Faizal Che Yusof secara umumnya berkata, majlis-majlis agama lebih banyak menunggu OKU datang meminta bantuan berbanding mereka sendiri yang keluar mencari OKU. Menurut pandangannya lagi golongan OKU tidak diberi ruang memegang jawatan di masjid sama ada sebagai bilal, tok siak dan jawatankuasa yang lain (Malik, 2012).

Kenyataan ini disokong oleh pandangan dari Pegawai Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP Bangi) (Nizam, 2016) dengan menyuarakan bahawa mereka pernah mendapat layanan buruk dari masyarakat ketika hendak menunaikan solat Jumaat di masjid seperti masyarakat memandang serong dengan menyorokkan kerusi roda, selipar diletakkan ditengah padang malah ada sebilangan masyarakat yang mengejek-ejek. Ini menyebabkan emosi mereka terganggu dan akan memberi impak yang negatif kepada mereka untuk beribadat di masjid lagi. Hal ini bertentangan dengan syariat Rasulullah S.A.W supaya memberi layanan yang baik kepada sesama makhluk. Masyarakat yang mempunyai pandangan yang stereotaip

akan menyebabkan golongan kurang upaya akan didiskriminasikan (Che Di dan Nur Fadliana , 2014).

OKU MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

OKU tidak disebut dalam al-Quran berdasarkan kecacatan zahir. Istilah-istilah seperti pekak, bisu dan buta yang banyak disebut secara berulangkali tidak merujuk kepada kecacatan sebenar tetapi secara analogi melambangkan golongan yang menolak atau enggan menerima seruan untuk beriman kepada Allah S.W.T. Interaksi al-Quran dengan golongan yang ingkar melalui analogi kecacatan menunjukkan penghinaan hanya berlaku kepada manusia yang cacat batin (tidak beriman). Hal ini membuktikan bahawa dalam Islam, kecacatan zahir tidak pernah memberikan sebarang implikasi kekurangan, kehinaan atau penyimpangan (deviant).

Merujuk kepada surah ‘Abasa 1-10, golongan OKU mendapat kedudukan yang istimewa. Masyarakat seharusnya mengambil pengajaran daripada teguran Allah S.W.T terhadap Rasulullah S.A.W mengenai cara layanan baginda kepada Ibnu Ummi Maktum seperti yang telah diceritakan dalam surah ‘Abasa ayat 1 hingga 10 ini. Abdullah ibn Ummu Maktum, yang datang bersungguh-sungguh untuk mengenal Islam serta mempunyai keinginan untuk membersihkan diri, maka golongan ini haruslah lebih diberi keutamaan dan bukan diabaikan. Peristiwa ini menunjukkan kepada betapa pentingnya teguran ini sehingga baginda memerlukan bimbingan secara langsung daripada Allah S.W.T (Che Di dan Nur Fadliana , 2014).

Selain itu, terdapat juga ayat lain yang membicarakan mengenai perihal OKU iaitu mengenai ketentuan berperang bagi orang yang mampu dan terhalang daripada berperang. Ayat tersebut adalah daripada surah an-Nisa’ 4 : 95-96. Imam Syafie dalam menafsirkan ayat 95 surah an-Nisa’, mengatakan adalah jelas bahawa Allah S.W.T menjanjikan kebaikan kepada mereka yang tidak mempunyai keuzuran walaupun tidak turut serta dalam berjihad. Ini menunjukkan golongan seperti mereka ini tidak berdosa sekiranya tidak turut serta dalam berjihad malah Allah S.W.T menjanjikan kebaikan (syurga) kepada mereka asalkan mereka beriman kepada Allah S.W.T tanpa sebarang keraguan. Ketika mana Allah S.W.T menjanjikan kebaikan (syurga) kepada mereka yang tidak ikut serta dalam perperangan, ini menunjukkan bahawa tuntutan ini merupakan fardhu kifayah dan tidak berdosa bagi mereka yang tidak ikut serta. Sekiranya tuntutan ini adalah wajib, sudah tentu Allah S.W.T tidak menjanjikan kebaikan kepada mereka yang tidak pergi berperang (Ibn Kathir)(Che Di dan Nur Fadliana , 2014).

Daripada firman Allah S.W.T ini boleh dilihat bahawa tuntutan berjihad adalah ke atas mereka yang sihat tubuh badan dan tidak mempunyai sebarang keuzuran. Maka jadilah hal itu sebagai jalan keluar bagi mereka yang mempunyai keuzuran untuk tidak turut serta dalam berjihad; seperti buta, pincang dan sakit.

Dalam sebuah hadis nabi S.A.W, Abu Zarr al-Ghfari r.a. pernah mengadu kepada rasulullah S.A.W berkaitan kewajipan setiap insan untuk mengeluarkan sedekah bagi dirinya dan ke atas dirinya. “Wahai Rasulullah, bagaimana kami mahu bersedekah sedangkan kami tidak memiliki harta?” Rasulullah menjawab: “Sesungguhnya sebahagian daripada pintu-pintu sedekah itu ialah takbir, zikir, kamu menyuruh dengan perkara kebaikan, kamu mencegah daripada kemungkaran, kamu membuang duri, tulang dan batu dari laluan orang ramai, kamu memimpin orang buta, kamu memerdengarkan orang pekak dan bisu sehingga mereka memahami agama.” Abu Zarr menambah lagi: “Sekiranya ia sendiri seorang yang lemah dan tiada kekuatan untuk membantu orang yang dizalimi?” Rasulullah menjawab: “Maka hendaklah ia berbuat kebaikan kepada orang lebam (tidak mampu memahami atau melakukan sesuatu pekerjaan dengan baik).”

Selain memberi bantuan khusus kepada golongan istimewa, hadis riwayat Imam al-Bayhaqi itu turut memberi isyarat kepada kita bahawa sebagai umat Nabi Muhammad, mencari

ilmu dan memberi khidmat kepada mereka yang memerlukan ialah asas kepada kemanisan hidup bersyariat.

Antara syarat utama interaksi Rasulullah bersama insan istimewa ini ialah dengan menunjukkan konsep *al-Qudwah Qabla al-Dakwah*, iaitu menjadikan kemuliaan akhlak mendahului pendekatan dakwah. Kaedah ini jelas digambarkan oleh Baginda ketika mendengar aduan dan permintaan OKU. Daripada Abu Hurairah r.a.: “Seorang lelaki cacat penglihatan (Abdullah Ibn Umm Maktum) telah datang kepada Nabi Muhammad lalu berkata, wahai Rasulullah, sesungguhnya aku tidak mempunyai orang yang akan memimpinku ke masjid. Lelaki itu meminta Rasulullah memberi keringanan kepadanya supaya dia boleh melakukan solat di rumahnya. Maka Baginda memberikan keringanan.“Ketika Abdullah muah beredar pulang, Nabi Muhammad memanggilnya dan berkata, apakah kamu mendengar azan?Abdullah menjawab: “Ya”.Lantas Baginda berkata: “Maka wajib kamu pergi solat jemaah di masjid.” (Riwayat Imam Muslim)

Para ulama menyatakan bahawa perintah itu adalah dalam konteks keutamaan atau afdaliyyah bagi mereka yang mempunyai kemampuan dan keazaman yang tinggi untuk berbuat demikian. Dalam konteks yang lain, perintah itu juga sebenarnya menuntut masyarakat menghulurkan bantuan agar warga OKU mendapat ganjaran tinggi di sisi Allah iaitu sama seperti insan normal yang lain.Beberapa hadith yang menjadi bukti berlakunya interaksi antara Rasulullah S.A.W bersama orang kurang upaya dan orang yang lemah terutama dalam aspek mengerjakan ibadah solat.

"صَلِّ قَائِمًا، فَإِنْ لَمْ تُسْتَطِعْ فَقَاعِدًا فَإِنْ لَمْ تُسْتَطِعْ فَعَلِيْ جَنْبِ"

Maksudnya: *Solatlah dalam keadaan berdiri, jika tidak mampu solatlah dalam keadaan duduk, jika tidak mampu, solatlah di atas lambungmu (mengiring).*

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *al-Jami' as-Sohih li al-Bukhari* Kitab *Taqṣīr al-Salāh*, Bab *Idha Lam Yatiqqu Qa'idan Solla 'ala Janbin*, No. hadith 1117, 348. (Al-Bukhari, 2001) Abu Daud juga meriwayatkan di dalam Sunannya dengan lafaz dan makna yang sama (Hadith riwayat Abu Daud, Kitab *Salah*, Bab *Salah al-Qa'id*, No. hadith 952, 165-166). Imam Al-Albani di dalam Sahih Sunan Abi Daud pada halaman 266 menghukumkan hadith ini sebagai hadith saih.

Solat adalah tiang agama. Sesiapa yang meninggalkannya dengan sengaja atau dengan alasan apa sekalipun bermakna dia berusaha untuk meruntuhkan agamanya sendiri. Tuntutan ini tidak terkecuali ke atas orang yang mengalami kecacatan kerana kecacatan yang dialami itu tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menunaikan solat khususnya solat fardhu. Hal ini kerana solat fardhu merupakan kewajipan yang paling utama bagi umat Islam sesudah mengucap dua kalimah syahadah yang mesti ditunaikan selagi bergelar mukallaf yang memenuhi syarat-syarat wajib solat. Mereka sebenarnya dibolehkan menunaikan ibadah ini sekadar mengikut kemampuan mereka. Firman Allah yang bermaksud: “*Allah S.W.T tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya...*”(al-Baqarah 286). Dalil di atas jelas menunjukkan bahawa Islam tidak membebankan umatnya dengan sesuatu yang di luar kemampuan dan keupayaannya. Malah, Islam memberi kelonggaran kepada umatnya untuk melakukan kewajipan mengikut tahap keupayaan masing-masing sekiranya tidak berupaya untuk melaksanakannya seperti yang telah diperintahkan.

Kehilangan daya penglihatan (buta) tidak menjelaskan amalan solat orang buta. Mereka diwajibkan mengerjakan solat secara sempurna sama seperti orang normal yang lain baik dari segi rukun niat (*qalbi*) iaitu rukun yang melibatkan hati seperti niat atau rukun bacaan (*qauli*) iaitu rukun yang melibatkan pertuturan seperti takbiratul ihram serta membaca al-Fatiyah. Begitu juga rukun anggota (*fi'li*) iaitu rukun yang melibatkan pergerakan anggota badan seperti rukuk, sujud dan duduk tahiyyat akhir. (Che Di dan Nur Fadliana , 2014).

Individu yang dilahirkan pekak sudah pasti tidak boleh bertutur atau bisu. Pelaksanaan ibadah solat bagi orang bisu dan pekak juga sama seperti orang normal dari segi rukun niat dan rukun anggota. Namun mereka diberi keringanan dari segi rukun bacaan kerana mereka tidak boleh bercakap. Sebagai contoh, takbiratul ihram yang merupakan rukun bacaan yang pertama mewajibkan individu yang mengerjakan solat melafazkan Allahu Akbar. Dalam hal ini terdapat perbahasan fuqaha' tentang kewajipan rukun ini terhadap golongan bisu. Para ulama Mazhab Syafi'i berpendapat orang bisu wajib menggerakkan lidah dan bibir berdasarkan makhraj huruf tersebut sekadar mengikut kemampuannya. Sekiranya tidak mampu berbuat demikian, mereka hendaklah meniatkan takbir dalam hati. Manakala Mazhab Hanafi pula mengatakan bahawa kewajipan rukun ini tergugur daripada orang bisu kerana keuzuran mereka. Bahkan memadai bagi golongan ini meniatkan takbir di dalam hati sahaja (Zin, 2011).

Mazhab Hanbali pula berpandangan bahawa kewajipan tersebut gugur daripada orang bisu yang langsung tidak boleh bercakap. Mazhab Maliki pula berpendapat jika seseorang itu terpotong lidahnya atau tidak boleh bercakap kecuali huruf ba' sahaja, maka kewajipan takbir gugur daripadanya. Berdasarkan pandangan empat mazhab di atas, didapati bahawa pandangan Mazhab Syafi'i dianggap adalah lebih baik untuk diamalkan berdasarkan sabda Nabi S.A.W: Oleh itu, orang pekak yang tidak boleh bercakap wajib menggerakkan lidah dan bibirnya mengikut makhraj huruf sekiranya mampu sebelum menggunakan kaedah niat dalam hati jika sebaliknya. Kaedah niat dalam hati bermaksud mereka perlu menggambarkan lafaz takbir secara bahasa isyarat dalam hati. Sebaliknya, jika orang pekak tersebut mampu bertutur atau mengeluarkan bunyi walaupun sedikit, dia wajib menyebut lafaz tersebut mengikut kemampuannya (Zin, 2011).

Hukum ini juga turut terpakai kepada rukun-rukun anggota yang lain yang terdapat dalam solat. OKU yang mengalami kecacatan anggota secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu mereka yang masih boleh berdiri, berkerusi roda dan lumpuh. Cara solat bagi ketiga-tiga kategori ini boleh diqiyaskan dengan cara solat orang sakit kerana persamaan illah antara keduanya iaitu keuzuran kepada anggota solat yang tertentu. Orang yang mengalami kecacatan anggota badan diwajibkan untuk melakukan solat seperti cara orang sakit bersolat. Cara solat mereka sebenarnya sama seperti orang normal dari sudut rukun niat dan rukun bacaan kecuali dalam rukun anggota yang dilakukan mengikut kemampuan. Seorang yang OKU, boleh solat menggunakan kaki palsu. Malahan kerusi roda atau kerusi biasa juga boleh digunakan di dalam solat (Zin, 2011).

Jika ditinjau dari sudut yang lain, didapati bahawa solat secara berjemaah juga mampu memupuk dan membentuk sifat-sifat kepimpinan dan jati diri seseorang muslim. Sifat-sifat kepimpinan ini terhasil daripada ciri-ciri kepimpinan seseorang imam yang dilantik dalam solat berjemaah. Walaupun OKU mempunyai kekurangan, namun kewajipan mentaati perintah dan meninggalkan larangan Allah tetap sama seperti hamba yang lain, tidak ada apa yang membezakan mahu pun dikecualikan melaksanakan tuntutan itu. Menurut Said bin Wahat al-Qahthani, dalam sebuah riwayat yang juga dari Anas bin Malik r.a bahawa Nabi S.A.W pernah melantik Abdullah bin Ummi Maktum sebagai wakil baginda untuk mengurus Madinah sebanyak dua kali. Beliau juga pernah dilantik menjadi imam sebanyak tiga belas kali. Ini menunjukkan bahawa sahnya imamah orang buta tanpa adanya unsur makruh sama sekali dalam hal itu (Zin, 2011). Berdasarkan peristiwa ini, majoriti fuqaha merumuskan bahawa OKU dan bukan OKU mempunyai kedudukan yang sama dalam kepimpinan solat (Bakar, 2011).

KESIMPULAN

Masjid merupakan tempat ibadah kaum muslimin yang mempunyai peranan tertentu untuk kemajuan peradaban umat Islam. Multi fungsi masjid berabad lamanya bermula dari zaman Rasulullah SAW. Yusuf Al-Qardhawi menyarankan agar umat Islam mengamalkan konsep *Ta'awun* (saling tolong menolong), *Tanashur* (saling mendukung) dan *Tarahum* (saling berkasih-sayang) (Hj. Zulfahmi Lubis M.Ag, 2012) kepada segenap lapisan masyarakat sekeliling. (Mohd Rozaini Mohd Rahim1, Mahazan Abdul Mutualib, Abdullah Haji Abdul Ghani, 2014). Amalan solat yang dikerjakan secara berjemaah sama ada di masjid atau surau akan membuka ruang kepada masyarakat Islam untuk memperkuatkan semangat persaudaraan dan perpaduan dalam kalangan mereka. Hal ini terjadi kerana mereka yang menunaikan solat secara berjemaah berkesempatan untuk saling mengenali, menjalankan silaturahim seterusnya memupuk semangat perpaduan. Pada waktu ini masjid dan surau tidak lagi berperanan sebagai tempat ibadat semata-mata malah turut menjadi tempat perjumpaan bagi masyarakat setempat. Solat secara berjemaah juga mampu memupuk dan membentuk sifat-sifat kepimpinan dan jati diri seseorang muslim. Sifat-sifat kepimpinan ini terhasil daripada ciri-ciri kepimpinan seseorang imam yang dilantik dalam solat berjemaah (Zin, 2011).

RUJUKAN

- Al-Quran pimpinan ar-Rahman.
- Al-Bukhari. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Lubnan: Darul Al-Fikr.
- Bahari, N. S. (2014). Peranan Integriti dalam Sistem Sokongan Orang Kurang Upaya Fizikal. *Seminar Kebangsaan Intergriti Keluarga dan Masyarakat (SKIK2014)*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Bakar, N. S. (2011). *Konsep Orang Kurang Upaya menurut Perspektif Islam dalam Pengurusan Ilmu Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam*, ed. USM.
- Che Di , Nur Fadliana . (2014). “*Interaksi Rasulullah S.A.W Bersama Orang Kelainan Upaya (Oku): Kajian Layanan Terhadap Mahasiswa Kelainan Upaya Di Universiti Malaya*. Retrieved from studentsrepo.um.edu.my/view/divisions/1/2014.type.html.
- Kathir, I. (n.d.). *Tafsir Ibn Kathir*.
- Malik, D. M. (2012, Ogos 15). Institusi Islam bagi pinggir OKU. (F. Z. Khan, Interviewer)
- Masyarakat, J. K. (2011). *Statistik*. Malaysia.
- Mohd Rozaini Mohd Rahim1, Mahazan Abdul Mutualib, Abdullah Haji Abdul Ghani, (2014). Kepimpinan, Prestasi Masjid, Dan Pembangunan Komuniti Menurut Al-Quran Dan Hadith. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*, (pp. 16-31).
- (n.d.). Retrieved from <http://www.jkmwpkl.gov.my/perkhidmatan-luar/orang-kurang-upaya-termasuk-pdk>.
- http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=0807&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_02.htm#ixzz4LWTucP5K .
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (n.d.).
- Nizam, E. S. (2016, April 26). Keprihatinan Masyarakat terhadap golongan OKU di Masjid. (N. b. Din, Interviewer)
- Nizam, E. S. (2016, April 6). Pandangan OKU terhadap masyarakat di Institusi Masjid. (N. b. Nasirudin, Interviewer)
- (n.d.). www.suhakam.org.my/ms/areas-of-work/.../orang-kurang-upaya-oku/.
- Zin, A. A. (2011). *Dakwah terhadap golongan OKU*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

MAKLUMAT PENULIS

NORSAADAH BINTI DIN @ MOHAMAD NASIRUDIN

Pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

norsaadah@kuis.edu.my,

HASLIZA BINTI TALIB

Pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

hasliza@kuis.edu.my

SITI ZALEHA BINTI IBRAHIM

Pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

sitizaleha@kuis.edu.my